



KENYATAAN DASAR PENDEDAHAN MAKLUMAT JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) menggalakkan anggota kerja dan pelanggan untuk berani tampil sebagai Pemberi Maklumat bagi membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar. Pekerja dan pelanggan yang menyedari berlakunya sebarang potensi penyelewengan, salah laku dan penyalahgunaan kuasa adalah digalakkan untuk melaporkan perkara yang diketahui ke saluran yang betul, dengan niat baik, tanpa rasa takut terhadap ancaman.

Dasar Pendedahan Maklumat ini bertujuan untuk memastikan setiap individu menggunakan hak mereka (untuk membuat pendedahan) secara bertanggungjawab dan wajar apabila mengesyaki sesuatu yang tidak betul akan berlaku, sedang berlaku dan telah berlaku dengan melaporkan maklumat tersebut dalam perkhidmatan di JKMM. Dasar Pendedahan Maklumat JKMM boleh bertindak sebagai sistem amaran awal untuk mengelak kemungkinan risiko kerugian atau menjejaskan reputasi kepada JKMM.

OBJEKTIF DASAR PENDEDAHAN MAKLUMAT

Objektif utama Dasar ini adalah:

- i. Untuk menggalakkan pelanggan dan anggota kerja JKMM mendedahkan sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang telah disedari olehnya;
- ii. Memberi perlindungan kepada individu yang melaporkan dakwaan Kelakuan Tidak Wajar itu; dan
- iii. Menguruskan pendedahan Kelakuan Tidak Wajar mengunapakai cara yang sesuai dan tepat pada masanya.

SKOP DASAR PENDEDAHAN MAKLUMAT

Dasar ini terpakai kepada mana-mana Kelakuan Tidak Wajar, melibatkan anggota kerja JKMM yang memberi kesan kepada pihak ketiga, seperti orang awam, perunding, vendor, kontraktor, agensi luar dan/ atau mana-mana pihak lain yang mempunyai hubungan dengan JKMM. Kelakuan Tidak Wajar adalah seperti berikut:

- i. Rasuah atau penipuan;
- ii. Kesalahan jenayah;
- iii. Salah guna wang atau harta JKMM;
- iv. Kesalahan tata tertib;
- v. Kesilapan pengurusan yang melampau dalam JKMM;
- vi. Ketirisan kewangan yang serius dalam JKMM;
- vii. Kelakuan yang menimbulkan bahaya yang besar dan spesifik kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga JKMM/ agensi di bawah JKMM atau orang awam atau keadaan persekitaran;
- viii. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana akta dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- ix. Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan kesemua / mana-mana kesalahan di atas.

Walau bagaimanapun, Dasar ini tidak meliputi perkara yang dinyatakan dalam prosedur lain iaitu:

- i. Aduan pelanggan terhadap perkhidmatan di JKMM;
- ii. Keluhan peribadi mengenai anggota kerja JKMM, terma dan syarat pekerjaan, atau lain-lain aspek hubungan kerja,
- iii. Aduan mengenai buli atau gangguan; dan
- iv. Perkara-perkara melibatkan tata tertib yang dilindungi di bawah Dasar dan prosedur, peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Sekiranya anggota kerja tidak pasti sama ada perbuatan tertentu merupakan Kelakuan Tidak Wajar di bawah Dasar ini, anggota kerja digalakkan untuk mendapatkan nasihat atau bimbingan daripada pegawai atasan terdekatnya, Ketua Bahagian/ Unit atau Pegawai Integriti. Peruntukan Dasar ini hanya terpakai bagi pendedahan yang dibuat kepada pihak yang berkenaan dalam JKMM.

PROSEDUR DALAM MEMBUAT PENDEDAHAN

Semua pendedahan boleh dilaporkan mengikut saluran seperti dinyatakan didalam prosedur ini iaitu:

- i. Hadir sendiri
- ii. Surat
- iii. Emel (aduanintegriti@melaka.gov.my)
- iv. Telefon di talian 06-2307416

PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

Perlindungan kepada Pemberi Maklumat meliputi:


- i. Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat akan dilindungi dan disimpan secara rahsia serta tidak akan didedahkan; dan
- ii. Perlindungan daripada tindakan memudaratkan seperti kehilangan pekerjaan atau sebarang bentuk pembalasan.

Perlindungan kepada Pemberi Maklumat akan diberi sekiranya: Pendedahan dibuat dengan jujur dan niat yang baik:

- i. Maklumat dan dakwaan yang diberikan adalah benar; dan
- ii. Pendedahan yang dibuat bukan berdasarkan kepentingan peribadi atau berniat jahat

Sekiranya didapati maklumat dan dakwaan yang diberikan palsu, tindakan berikut akan dipertimbangkan iaitu:

- i. Jika melibatkan anggota kerja JKMM, tindakan tata tertib hendaklah diambil; dan
- ii. Jika melibatkan pelanggan, pembekal, subkontraktor atau perunding, hendaklah menyemak semula hubungan perniagaan/perkhidmatan yang digunakan semasa dan pada masa akan datang.


DATUK WIRA ZAIDI BIN JOHARI
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
MELAKA

16 OGOS 2023